

KUALA LUMPUR, 13 OKT. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENOLAK TUDUHAN BAHAWA SEBARANG +KEBENARAN+ DARI PIHAK ATASAN DIPERLUKAN OLEH BIRO SIASATAN NEGARA SEBELUM MEREKA MENJALANKAN PENYIASATAN TERHADAP TOKOH-TOKOH POLITIK. PERDANA MENTERI MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT SOAL UNTUK MENYIASAT DAN SETERUSNYA MENDAKWA SESIAPA SAHAJA YANG DISYAKI TERLIBAT DALAM KEGIATAN RASUAH ADALAH URUSAN BSN SENDIRI YANG MERUPAKAN SEBUAH BADAN BEBAS.

BELIAU JUGA MENYANGKAL DAKWAAN-DAKWAAN KONONNYA KEGIATAN BIRO TERSEBUT TIDAK MENDATANGKAN KESAN SELAMA INI KERANA IA HANYA MENGUTAMAKAN KES-KES RASUAH YANG KECIL-KECIL SEDANG ORANG-ORANG YANG TERLIBAT DENGAN KES YANG BESAR-BESAR DIBIARKAN BEBAS.

KATANYA, KALAU LAH PERKARA INI BENAR MAKA SUDAH TENTULAH TIADA ORANG-ORANG YANG DIDAKWA DI MAHKAMAH KERANA KEGIATAN RASUAH TERMASUK YANG MELIBATKAN JUMLAH WANG BERJUTA-JUTA RINGGIT. — BERSAMBUNG 1613/SZ

B568

PARLIMEN-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MEMBUAT PENJELASAN INI SEMASA MENJAWAB TUDUHAN-TUDUHAN DAN PERTANYAAN-PERTANYAAN ANGGOTA PEMBANGKANG DALAM MASA SOAL-JAWAB.

SEBELUM ITU, ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-PETALING) MENDAKWA BAHAWA KEGIATAN RASUAH DI BIDANG AWAM TELAH MENJADI-JADI SEJAK MERDEKA 24 TAHUN LALU.

ENCIK LIM MEMINTA SUPAYA KERAJAAN MENUBUHKAN SEBUAH SURUHAN-JAYA SIASATAN DIRAJA UNTUK MENGAJI MASALAH TERSEBUT DAN MEMPERKUATKAN LANGKAH-LANGKAH UNTUK MEMBENTERAS RASUAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN ADALAH TIDAK BENAR BAHAWA KEGIATAN RASUAH KINI SEDANG BERLELUASA DAN TIDAK TERKAWAL.

KATANYA, KALAU DIBANDINGKAN DENGAN BEBERAPA BUAH NEGARA LAIN DI MANA RASUAH BERLAKU SECARA TERBUKA, KEADAAN DI MALAYSIA TIDAKLAH SEBAGITU BURUK.

+WALAUPUN KITA AKUI BAHAWA RASUAH BERLAKU, TETAPI IA TIDAK SECARA TERBUKA DAN INI TIDAK SYAK LAGI MERUPAKAN SALAH SATU DARI KESAN KEGIATAN BSN, + TEGASNYA. — BERSAMBUNG 1625/AH

B572

PARLIMEN—MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DALAM HUBUNGAN INI, PENUBUHAN SURUHANJAYA YANG DICADANGKAN ITU BUKANLAH MERUPAKAN SATU PENAWAR YANG MUSTAJAB YANG BOLEH MENJAMIN AKAN MEMBAWA KESAN YANG BAIK, JELASNYA.

PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN BAHAWA LANGKAH—LANGKAH TERTENTU TELAH DAN SEDANG DIAMBIL UNTUK MENGHAPUSKAN AMALAN RASUAH ATAU MENGURANGKANNYA KEPADA PERINGKAT MINIMA.

LANGKAH—LANGKAH TERSEBUT TERMASUK MEMPERKUKUHKAN BSN DENGAN MENAMBAH BILANGAN PEGAWAI—PEGAWAI, MENDAPATKAN PERKHIDMATAN PEGAWAI—PEGAWAI AWAM DARIPADA LAIN—LAIN AGENSI KERAJAAN UNTUK DIPINJAMKAN KEPADA BIRO ITU SERTA MEMBERI PERHATIAN YANG SECUKUPNYA KEPADA AKTIVITI PENCEGAHAN.

KEPADA PERTANYAAN LAIN DARI ENCIK LIM CHO HOOK (DAP—IPOH), DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SOAL KEKURANGAN PAKAR DAN PEGAWAI—PEGAWAI TERLATIH BUKANLAH MERUPAKAN MASALAH UTAMA YANG DIHARAPI OLEH BSN.

APA YANG LEBIH PENTING JALAH MENDAPATKAN PEGAWAI—PEGAWAI YANG JUJUR DAN DEDIKASI DAN INI KADANGKALA MELAMBATKAN PROSES PENGISIAN JAWATAN—JAWATAN KOSONG. — BERSAMBUNG 1635/SZ

B575

PARLIMEN—MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

KEPADA PERTANYAAN DATUK ABU BAKAR OMAR (PAS—KOTA STAR), DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BANYAKNYA KES RASUAH KECIL YANG DIHADAPKAN KE MAHKAMAH JIKA DIBANDINGKAN DENGAN KES—KES YANG BESAR MUNGKIN KERANA KEGIATAN RASUAH YANG KECIL—KECIL ITU DILAKUKAN SECARA TERBUKA DAN DENGAN ITU MUDAH DIKESAN. — BERNAM

1645/HM